

15/01/2001

PP sudah lengkapkan barisan terkuat

Anuar Asmadi

PULAU Pinang sudah bersedia menghadapi musim baru Liga Malaysia apabila semua pemain kecuali Kamarulzaman Hassan dan Mohamad Fareed Shah Hassan menandatangani kontrak dengan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), petang kelmarin.

Kamarulzaman dan pendatang baru Mohamad Fareed sedang menjalani latihan bersama skuad kebangsaan bagi menghadapi Sukan Sea, manakala bekas pemain Perak, Mohd Noor Derus dijangka tiba hari ini.

Jurulatih Irfan Bakti berkata dia sudah dimaklumkan mengenai kelewatan bekas pemain Perak itu.

"Kita simpati dengan masalahnya yang terpaksa membawa keluarga ke sini dan menghadapi kesukaran mencari rumah sewa yang bersesuaian," katanya.

Namun, Irfan amat mengharapkan pemain tengah itu tiba dengan kadar segera bagi memudahkannya menyusun strategi pasukan berdasarkan kebolehan pemain itu menggerakkan jentera pasukan.

"Saya yakin pemain ini boleh diletakkan di mana saja, tengah atau serangan dan dapat memainkan peranan penting," katanya.

Kelmarin, seramai 19 pemain bersetuju menandatangani kontrak termasuk 17 pemain musim lalu.

Mereka ialah Chee Wan Hoe, Rahim Hassan, Yong Woon Seang, Fauzi Soh, Meoy Kok Hong, S Nanthakumar, Ng Kok Heng, Ooi Hoe Guan, R Sureshkumar, Aiman Wong, Zailani Jaafar, Megat Amir Faisal, Ramzi Razuwan, Nordin Khamis dan dua pemain Piala Presiden, Mahathir Mohamad dan Samuel Raj.

(END)